



Telefon : 2382822 / 2381787 / 2382850
 Fax : 2382870 / 2382865 / 2382841
 Website : <http://www.mppt.gov.bn>

كمنتريڤ سومبرڤ اوتام دان فلنچوڠن
 KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
 MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

Jalan Menteri Besar
 Bandar Seri Begawan BB3910
 Negara Brunei Darussalam

Rujukan KSSUP/S/1

6 Syawal 1444
 27 April 2023

**SURAT PEMBERITAHUAN
 KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
 BILANGAN: 3/2023**

Yang Mulia
 Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap
 Kementerian-Kementerian
 Negara Brunei Darussalam

Pengiran / Pengiran Datin / Tuan / Puan,


Dengan penuh hormat dan takzim sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui warkah Baginda bilangan HMPO 49/2018 bertarikh 19hb. April, 2023 bahawasanya Baginda tidak ada halangan bagi Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk bercuti selama lima belas (15) hari bermula pada hari Isnin, 12hb. Jun, 2023 hingga hari Isnin, 26hb. Jun, 2023 dan seterusnya pergi ke luar negeri ke negara-negara ASEAN mulai pada hari Sabtu, 10hb. Jun, 2023 (selepas waktu bekerja) hingga hari Isnin, 26hb. Jun, 2023.

Sehubungan dengan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya tidak ada halangan bagi Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi untuk memangku sementara jawatan Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selama lima belas (15) hari bermula pada hari Isnin, 12hb. Jun, 2023 hingga hari Isnin, 26hb. Jun, 2023.

Sekian disampaikan.

"WARGA BERILMU, NEGARA MAJU"

Dengan hormat


[DAYANG HAJAH TUTIATY BINTI HAJI ABDUL WAHAB]
 Setiausaha Tetap



Senarai pembahagian:

Setiasaha-Setiasaha Tetap

Setiasaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri

Setiasaha Tetap, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Setiasaha Tetap, Kementerian Pertahanan

Setiasaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Setiasaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Setiasaha Tetap, Kementerian Pendidikan

Setiasaha Tetap, Kementerian Pembangunan

Setiasaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Setiasaha Tetap, Kementerian Kesihatan

Setiasaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Setiasaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi